

# **AMALAN TASAWUF DAN SIGNIFIKANNYA DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MUKMIN**

Disediakan oleh:  
Profesor Dr Jamil Bin Hashim  
Ahli Jawatankuasa Haiah Ulama Jabatan Mufti Negeri Perak  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajian Islam  
Universiti Sultan Azlan Shah

## **ABSTRAK**

*Artikel ini membicarakan mengenai amalan tasawuf dan kepentingannya dalam pembentukan peribadi seorang mukmin. Tasawuf telah mengajak kepada akhlak yang utama yang dianjurkan dalam Islam. Akhlak yang mulia itu dijadikan sebagai landasannya, dan menyucikan jiwanya dengan cara berhias diri dengan keutamaan akhlaknya. Kepentingan amalan-amalan tasawuf adalah mendekatkan diri kepada Allah SWT untuk mencapai makrifatullah.*

## **Pengenalan**

Ilmu Tasawuf mempunyai disiplin ilmu tersendiri yang memfokuskan secara langsung aspek-aspek pembersihan dan penyucian perbuatan-perbuatan atau amalan-amalan hati dan amalan-amalan anggota zahir untuk menyampaikan seseorang ke maqam ihsan. Kita merujuk kepada tasawuf yang sebenar sepertimana yang disebut Imam Malik bin Anas: "Barang siapa yang mempelajari ilmu fiqah tanpa tasawuf, maka dia telah fasiq. Barang siapa mempelajari ilmu tasawuf tanpa ilmu fiqah, maka dia telah menjadi zindiq. Manakala barang siapa yang menghimpunkan kedua-dua ilmu tersebut, maka itu sebaik-baik dan sesempurna perkara."

Sidi Ahmad Zarruq telah menetapkan satu kaedah penting dalam ilmu tasawuf iaitu: “Tiada tasawuf tanpa fiqah, kerana dengan ilmu fiqah dapat diketahui hukum-hakam Allah SWT yang zahir. Begitu juga tiada ilmu fiqah tanpa tasawuf, kerana amal soleh hanya diperoleh dengan keikhlasan dan keimanan hakiki kepada Allah SWT. Oleh itu, kedua-dua tasawuf dan fiqah perlu disatukan, sebagaimana perlunya disatukan roh dengan jasad. Nisbah ilmu tasawuf kepada agama adalah seperti roh kepada jasad.”

Pada dasarnya tasawuf sangat penting kerana ia merupakan suatu usaha dan upaya dalam rangka tazkiyyah al-nafs (menyucikan diri) dengan cara menjauhkan dari pengaruh kehidupan dunia yang menyebabkan lalai dari Allah SWT untuk kemudian menumpukan perhatiannya kepada Allah SWT.

### **Takrif Tasawuf**

Tasawuf mempunyai dua takrif; takrif umum dan takrif khusus. Pada takrif yang umum, tasawuf ialah satu bentuk ilmu tentang cara-cara mendidik dan membersihkan hati, yang mana ia boleh diketahui menerusi pembelajaran dan pengkajian. Manakala tasawuf dengan takrifnya yang khusus pula merujuk kepada pencapaian hakikat-hakikat tasawuf yang menjadi suatu pengalaman bagi diri seseorang itu dan akhirnya menjadi sifat dirinya.

Imam Junayd al-Baghdadi berkata: “Tasawuf adalah membersihkan hati dari yang selain Allah, berjuang memadamkan semua godaan hawa nafsu, mementingkan kehidupan yang kekal, menyebarkan nasihat kepada orang, dan mencontohi Rasulullah SAW dalam segala urusan.”

Manakala menurut Syeikh Ibn `Ajibah tasawuf itu adalah satu ilmu mengenai jalan-jalan menuju kepada Allah, membersihkan batin dari perkara-perkara yang keji dan menghiasnya dengan berbagai bentuk kebaikan.

Imam al-Ghazali menyatakan hukum mempelajari ilmu tasawuf ialah fardu ain kerana manusia tidak bebas dari aib kecuali para nabi dan rasul. Selain itu, Syeikh al-Shadhili menyebut: “Barang siapa yang tidak menceburi ilmu kita ini, nescaya dia mati dalam dosa besar yang tidak disedarinya.” Kemudian, Syeikh Dahlan al-Kadiri di dalam kitabnya Siraj al-Talibin menyatakan bahawa hukum belajar tasawuf ialah wajib atas setiap orang mukalaf.

### **Pengamalan Tasawuf**

Hakikat sebenar tasawuf itu ialah tercapainya kebersihan diri, zahir dan batin. Kebersihan zahir membawa maksud keterikatan anggota lahiriah manusia dengan peraturan atau hukum-hukum agama iaitu apa yang diistilahkan sebagai `ibadah. Kebersihan batin pula bermaksud kebersihan hati dari sifat-sifat tercela (al-takhalli) dan terhiasnya ia dengan sifat-sifat terpuji (al-tahalli) iaitu apa yang disebut sebagai al-`ubudiyah. Kemuncak kebersihan batin manusia itu ialah terhapus perkara yang menyekutkan Allah dalam hati dan ternyata kebenaran Allah di cermin hati itu (al-tajalli). Kebersihan batin ini yang membawa kepada tercapainya maqam ihsan.

Tasawuf mengajak kepada akhlak yang mulia yang dianjurkan dalam Islam. Akhlak yang mulia merupakan landasan, serta penyucian jiwa dengan mengutamakan akhlak dengan tawaduk (rendah diri), meninggalkan akhlak yang tercela, dan bersifat mudah, lemah lembut, dan mulia diikuti dengan sifat qanaah (berasa cukup).

Antara praktis tasawuf yang paling penting adalah zikir. Al-quran meletakkan zikir dan orang-orang yang suka zikir sentiasa dalam kedudukan istimewa. Mereka yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran mendalam adalah orang yang sentiasa zikir kepada Allah sambil berdiri, duduk dan sambil berbaring merenungi ciptaan langit dan bumi. Mereka dikenali sebagai Ulul-Albab.

Membaca Al-quran bagi kaum sufi merupakan antara cara-cara utama dalam bertafakur dan berzikir akan Allah. Oleh kerana kerohanian tasawuf bersumberkan keperibadian dan akhlak Nabi Muhammad SAW yang ummi (buta huruf), baginda ialah manusia terbaik sekali sebagai uswah hasanah. Tarekat merangkumi zikir dan tafakur dalam topik ini. Oleh itu, tasawuf dan tarekat tidak boleh dipisahkan. Setiap orang yang bertasawuf mengambil tarekat tertentu yang tujuan akhirnya menjadi hamba Allah yang sangat rapat. Selain itu, tarekat tertumpu kepada penyucian batin dan amalan soleh.

Amalan seterusnya ialah uzlah. Menurut pandangan Yusuf Muhammad Taha Zaydan menyatakan bahawa uzlah merujuk kepada peningkatan seorang hamba dari alam fana menuju Allah yang Maha Kekal dengan keluar daripada kelalaian, cinta dunia, dan mengabaikan ketaatan kepada cinta Allah SWT. Uzlah terbahagi kepada dua. Bahagian pertama, uzlah secara dalaman dengan hati dan peribadi. Bahagian kedua, uzlah bersama tubuh jasmani tanpa meninggalkan hubungan sesama manusia.

Muraqabah juga termasuk dalam amalan tasawuf. Muraqabah adalah merasa dirinya sentiasa diawasi oleh Allah SWT. Menurut Syeikh Ibrahim bin Kawwas bahawa muraqabah merupakan amalan yang suci samada secara tersembunyi atau terang-terangan. Sebabnya adalah orang yang menyedari bahawa Allah SWT sedang mengawasi sudah tentu menjaga setiap tindakan dan perilaku tidak kira di mana berada.

Amalan yang terakhir sekali, suluk yang merupakan jalan melaksanakan segala ibadah dalam mendekati diri kepada Tuhan. Amalan bersuluk merupakan tradisi dalam kehidupan tarekat. Menurut al-Aziz, suluk ialah perjuangan melepaskan diri daripada hawa nafsu dengan beberapa cara untuk mencapai makrifat kepada Allah SWT. Boleh disimpulkan bahawa amalan-amalan tasawuf membawa kepada penyucian hati dari lalai dengan dunia.

## **Signifikan Amalan Tasawuf dalam Membentuk Peribadi Mukmin**

Amalan tasawuf yang benar bermatlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mencari redaNya yang diakhiri dengan mahabbah dan makrifat. Kepentingan ilmu tasawuf kepada diumpamakan seperti kepentingan roh kepada jasad, di mana tasawuf akan membangkitkan keikhlasan dan meningkatkan kualiti ibadah yang zahir. Inilah maqam ihsan seperti yang disebut dalam sabdaan Nabi SAW yang bermaksud: "Ihsan ialah kamu menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, dan jika kamu tidak mampu mencapainya, maka (ketahuilah bahawa) sesungguhnya Dia melihatmu."

Menurut Sayyid Nur bin Sayyid Ali, tasawuf dapat menyelamatkan diri dari akidah syirik dan batil. Amalan-amalan tasawuf tidak ada kepentingan lain selain taqarrub (dekatkan diri) kepada Allah SWT dengan sasaran mencapai makrifatullah yakni mengenal Allah dengan sebenarnya, dan menyingkap hijab (dinding) yang menjadi batas diri dengan Allah SWT. Kaum sufi mendekatkan diri kepada Allah dengan semangat beribadah dengan tujuan untuk mencapai makrifatullah. Dengan makrifatullah, lahir rasa malu berbuat maksiat kepada Allah.

Orang mukmin yang hendak dekat dengan Allah perlu membiasakan diri dan bermujahadah dalam melakukan ibadah sunat pada siang atau malam seperti solat sunat, puasa sunat, bersedekah dan umrah. Oleh itu, orang-orang yang selalu melaksanakan ibadat-ibadat sunat ini akan mendapat pahala dan meniti tangga kesempurnaan serta menuju tahap kerohanian dan penyucian jiwa yang tinggi.

Tasawuf adalah kaedah pendidikan kerohanian dan perilaku yang membentuk seorang Muslim sehingga mencapai maqam atau martabat ihsan. Tasawuf ialah program pendidikan yang menumpukan perhatian kepada pembersihan jiwa manusia daripada segala penyakit yang menyebabkan manusia jauh dari Allah SWT dan memperbetulkan perilaku segala hal yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan dengan dirinya sendiri. Perjuangan, latihan, penyucian jiwa dan hubungan dengan Allah yang berterusan ini melahirkan perkara yang menakjubkan seperti kerinduan, kasih sayang dan cinta.

### **Kesimpulan**

Pada asasnya, tasawuf adalah amat penting kerana ia merupakan usaha untuk tazkiyyah al-nafs dengan menjauhkan diri daripada pengaruh duniawi yang membawa kepada kelalaian akan Allah SWT. Tasawuf hanya fokus kepada Allah SWT berlandaskan akhlak yang mulia, penyucian jiwa, dan menjauhi akhlak tercela. Al-quran menyebut maqam yang khusus bagi mereka yang mencintai zikir pada setiap masa dan dalam semua keadaan sebagai golongan yang mempunyai ilmu dan kesedaran yang mendalam. Amalan tasawuf yang sebenar bertujuan mendekatkan diri kepada Allah dan mencari keredhaan-Nya.

## Rujukan

<http://repository.uinbanten.ac.id/172/9/PENGANTAR%20ILMU%20TASAWUF.pdf>

<https://www.ukm.my/sunni/wp-content/uploads/2020/12/KERTAS-Kedudukan-Tasawuf-dan-Tarekat-dalam-Ahli-Sunah-Waljamaah.pdf>

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3177-al-kafi-1141-hukum-belajar-tasawuf-tanpa-fiqah>

<http://spait.whatta.org/?p=278>

<https://prezi.com/p/iso1qji3nykz/contoh-amalan-tasawuf/>

[file:///C:/Users/syafi/Downloads/139-Article%20Text-299-1-10-20190412%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/syafi/Downloads/139-Article%20Text-299-1-10-20190412%20(1).pdf)